

# **SERBUAN, PENGUSIRAN DAN KRISIS TENAGA KERJA DI MALAYSIA: DILEMA NEGARA DAN DASAR TENAGA KERJA ASING DI SABAH**

**(RAID, DEPORTATION AND LABOUR CRISIS IN  
MALAYSIA: STATE DILEMMA AND FOREIGN WORKERS  
POLICIES IN SABAH)**

<sup>1</sup>Ramli Dollah & <sup>2</sup>Mohd Kamarulnizam Abdullah

<sup>1</sup>Fakulti Kamanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Jabatan Hal-Ehwal Antarabangsa,

Sekolah Kerajaan dan Kajian Antarabangsa (COLGIS),  
Universiti Utara Malaysia  
(ramlid@hotmail.com)

## **Abstract**

Sabah state is considered to accommodate the highest number of immigrants and foreign workers in Malaysia. This situation raises concern for the Sabahan and politicians in this country. However, this situation and the problems of immigrants and foreign workers in Sabah today cannot be understood simply by looking at the recent developments. This is due to the fact that it is necessary to look back to the process of Sabah's economic development and urgent labour force demands in the last few decades. Therefore, this paper offers a genealogy of Sabah policies on foreign workers by focusing on the development of the state's economy and labour shortage crisis since the colonial period until the recent days. With this regard, despite the fact that some efforts and policies have been undertaken by the government (federal and state levels) and also private initiatives, however, it continues to be a major obstacle for the state's economic development. Therefore, if the Sabah state wants to move into a developed state such as the states in the peninsula, the issue of labour shortages become a major barrier. In other words, economic development and modernization will not succeed without foreign workers, mainly Indonesian workers.

*Keywords:* *foreign workers, economy, Sabah, Indonesia, Malaysia*

## Pengenalan

Kebergantungan ekonomi negara kepada tenaga kerja asing bukanlah fenomena baru di negara ini kerana ianya telah berlaku sejak era kolonial lagi. Walau bagaimanapun, pemerintah mendapat kritikan yang hebat dalam dasar-dasar kerajaan mengenai tenaga kerja asing ini yang dilihat gagal dalam mengawal kehadiran pendatang dan tenaga kerja asing terutamanya di negeri Sabah. Namun, artikel ini berhujah bahawa masalah kebanjiran pendatang dan tenaga kerja asing serta dasar yang dijalankan oleh kerajaan pada hari ini tidak boleh dinilai hanya berdasarkan kepada fenomena yang berlaku pada hari ini. Ini kerana, bagi memastikan penilaian yang jelas dan bersifat holistik mengenai isu ini, ia perlu untuk menilai perkembangan ekonomi dan masalah tenaga kerja yang berlaku di negeri ini sejak awal kemerdekaan sehingga ini. Oleh itu, artikel ini akan memberikan genealogi dasar pekerja asing dan perkembangan ekonomi di negeri Sabah. Penulis berhujah bahawa dasar kerajaan mengenai pendatang dan pekerja asing tidak pernah konsisten kerana kelangsungan ekonomi negara akan tergugat sekiranya ia mengambil tindakan tegas dalam menangani masalah tenaga kerja asing di negara ini. Oleh itu, walaupun kerajaan banyak terlibat dalam retorik mengenai tindakan tegas ke atas pekerja asing di negeri ini, namun hakikatnya kerajaan sukar untuk menangani masalah ini kerana keperluan tenaga kerja yang mendesak di dalam sektor-sektor utama ekonomi negeri. Dalam hal ini, kerajaan menghadapi dilema dalam menjayakan ekonomi negeri. Dengan kata lain, apabila kerajaan melaksanakan polisi yang tegas dalam menangani masalah pekerja asing di negeri ini hanya akan menimbulkan lagi banyak masalah kepada ekonomi negeri. Oleh itu, bagi mengimbangi ‘keluhan politik’ dan ‘masalah ekonomi’ di negeri ini, kerajaan akhirnya tidak mempunyai satu dasar yang konsisten dalam berhadapan dengan masalah isu tenaga kerja asing ini di Sabah.

## Fenomena Pekerja Asing Di Sabah

Seperti yang dihujahkan di atas, kekurangan buruh asing di Sabah bukanlah fenomena baru di negeri Sabah kerana ia telah menjadi salah satu isu yang besar sejak dahulu lagi. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa keperluan tenaga buruh asing di Sabah telah lama berlaku malahan telah wujud sejak era penjajahan lagi. Semasa pentadbiran British dan ketika pendudukan Jepun di Borneo Utara misalnya, beribu-ribu pekerja asing dari China, Indonesia dan Filipina telah diimport oleh pihak penjajah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di negara ini. Tidak menghairankan sejumlah besar pendatang dan pekerja asing berada di negeri ini apabila Sabah mencapai kemerdekaan dan

menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Keadaan ini berlanjutan apabila Sabah mencapai kemerdekaan. Akibat pembangunan ekonomi dan kekurangan tenaga buruh di Sabah serta faktor politik semasa, menyebabkan beribu-ribu pendatang dari Indonesia dan Filipina datang ke Sabah bagi memenuhi permintaan buruh yang mendesak di negeri ini (Kurus, Goddos & Koh, 1998, hlm. 162; Ho, 1998). Di satu pihak lain, faktor kemiskinan dan permintaan untuk buruh murah terutamanya di sektor perladangan, pembinaan dan pembuatan menyebabkan mereka datang ke Sabah. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana ekonomi negeri Sabah memerlukan sejumlah besar pekerja di negeri ini. Dalam masa yang sama, tenaga kerja tempatan mampu untuk memenuhi keperluan yang mendesak ini ditambah lagi oleh kemahiran yang tidak dimiliki oleh pekerja tempatan. Ini menyebabkan pemerintah terpaksa mengimport sejumlah besar tenaga kerja asing untuk bekerja (Kahin, 1947, hlm. 53) dalam sektor-sektor yang mendesak di negeri ini. Fenomena ini telah berlaku sejak pendudukan British di negeri ini. Ini dapat dilihat melalui tindakan *North Borneo Cartered Company* (NBCC) atau *British North Borneo Company* (BNBC) dan syarikat-syarikat tembakau tempatan yang bertindak mengimport buruh-buruh Cina di Sabah pada pertengahan abad ke-19 (Sila lihat Wong, 1999, hlm. 131-158; Wong, 1998 dan Tregonning 1958). Selain itu, BNBC terpaksa mencari alternatif baru untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja ini dengan mengimport tenaga kerja asing dari Indonesia. Hasilnya antara tahun 1914-1932, seramai 9,969 orang buruh Jawa dibawa masuk ke Borneo Utara bagi memenuhi kekurangan tenaga kerja yang berlaku di negeri ini (De Silva, 2009, hlm. 77). Hal yang sama turut berlaku dalam sektor lain yang memerlukan kepada tenaga kerja asing yang ramai. Hasilnya dalam sektor perikanan misalnya, BNBC mula membawa masuk buruh perikanan asing ke Borneo Utara pada akhir abad ke 19 (Mohammad Azzam, 2006), manakala sejumlah tenaga kerja Indonesia dari wilayah Sulawesi berketurunan Bugis memasuki Sabah pada abad ke-19, membuka penempatan di daerah Tawau dan terlibat dalam sektor pertanian di kawasan terbabit (Goodlet, 2010; Suraya Sintang, 2007). Di samping itu, terdapat juga sejumlah penduduk pulau Flores serta Adonara di Nusa Tenggara Barat (NTB) serta Nusa Tenggara Timur (NTT), Indonesia yang kemudiannya berhijrah ke Sabah dan terlibat dalam sektor ekonomi di negeri ini (Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah & Dewi Herviani, t.t.).

Apabila Sabah mencapai kemerdekaan, kekurangan tenaga kerja masih menjadi isu utama dan menjadi penghalang kepada pembangunan ekonomi negeri. Akibatnya kebanjiran pelarian Filipina pada tahun 1960an dan 1970an dilihat tepat pada masanya kerana ia dilihat dapat membantu dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di negeri ini. Oleh itu tidak menghairankan

sekiranya terdapat hujah yang menyebut bahawa selain faktor politik, faktor kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah turut dilihat sebagai antara penyumbang utama kepada dasar Tun Mustapha yang dilihat agak berlembut terhadap pelarian Filipina pada tahun 1970an (Tengku Shamsul Bahrin dan Rachagan, 1984, hlm. 207 and Ho, 1989).

Menurut Jabatan Ketua Menteri, Sabah pada tahun 1980an, tenaga kerja asing di negeri Sabah membentuk 60 peratus tenaga kerja dalam sektor pembalakan, 64 peratus dalam industri berasaskan kayu dan 90 peratus dalam sektor perladangan kelapa sawit dan koko (Stahl, 1986: 34). Pada tahap ini, pelarian, pendatang dan pekerja asing diberikan kelonggaran masuk untuk bekerja di negeri ini kerana mereka bekerja dalam sektor ekonomi yang bercirikan 5D (*Dirty, Demeaning, Dangerous, Demanding and Difficult*) ditambah lagi kesanggupan mereka untuk bekerja dengan gaji rendah berbanding penduduk tempatan. Buruh Indonesia biasanya mendominasi sektor perladangan, perhutanan dan pertanian. Manakala, buruh Filipina kebanyakannya bekerja dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan informal (Kurus et al., 1998: 162; Ho, 1989. Sila lihat juga Wan Shawaluddin WH, et al., t.t.). Peranan mereka dalam ekonomi Sabah terutama pertanian dan pembangunan fizikal tidak dapat dinafikan kerana mereka membentuk sehingga 90 peratus tenaga buruh dalam sektor tertentu di Sabah (Yap, 2004, hlm. 35-36). Dalam hal ini, kemakmuran ekonomi yang dicapai terutamanya pada penggal pertama pentadbiran kerajaan parti Berjaya (1976-1981) merupakan penyebab utama mengapa tiada kritikan terhadap polisi yang dijalankan oleh Tun Harris terhadap pekerja asing.

Dalam konteks Sabah, disebabkan kekurangan tenaga buruh terutamanya dalam sektor perladangan dan pembinaan, pihak majikan menyeru kepada kerajaan untuk membenarkan pengambilan baharu pekerja dalam sektor ini bertujuan untuk merangsang ekonomi Sabah. Kesannya, kemasukan pekerja asing meningkat dengan ketara. Di Malaysia, pekerja asing dibenarkan untuk berkerja adalah sektor yang terpilih sahaja seperti pembinaan, perladangan, perkhidmatan (pembantu rumah, perhotelan, pelatih dan instruktur) dan sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, bukan semua buruh asing dibenarkan untuk bekerja di negeri Sabah kerana hanya buruh asing dari Indonesia dan Filipina dibenarkan. Di antara tahun 1995 hingga 2000, pekerjaan asing membentuk lebih 89 peratus tenaga buruh Sabah dalam sektor pertanian, 62 peratus dalam pembinaan dan 55 peratus dalam perhutanan dan pembalakan. Malahan jumlah tenaga kerja asing di Sabah dijangkakan meningkat akibat permintaan yang tinggi daripada sektor-sektor utama di Sabah. Berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan pada tahun 2000, sekitar 624,000 pekerja asing di Sabah. Daripada jumlah tersebut, 140,000

adalah pekerja asing yang berdaftar sementara selebihnya adalah pekerja asing tidak sah (Azizah Kassim, 2012; 2002, hlm. 33).<sup>1</sup> Sementara itu, sehingga tahun 2007, dianggarkan lebih daripada 207, 200 pekerja Indonesia bekerja di sektor perladangan di negeri ini (Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, 2008 dan Didik Eko Pujianto, 2008). Pada tahun 2015, terdapat 260,000 orang pekerja asing di Sabah yang berdaftar dengan Konsulat Indonesia di Sabah (Irfan, 2015). Keadaan ini menunjukkan bahawa bagaimana dominasi tenaga kerja asing dalam sektor ekonomi di negeri Sabah telah berlaku sejak dahulu sehingga ini.

### **Perkembangan Ekonomi dan Keperluan Tenaga Kerja di Sabah**

Perkembangan ekonomi Sabah yang pesat terutamanya dalam bidang pertanian merupakan sebab utama kepada keperluan tenaga kerja yang tinggi di negeri ini. Dalam hal ini, komoditi utama pertanian di negeri Sabah seperti getah, tembakau dan kelapa memerlukan kepada intensif buruh dan ini memaksa kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini untuk mencari sumber baru tenaga kerja bagi memastikan industri ini terus berkembang pada masa akan datang. Keadaan ini bukan hanya dapat dilihat selepas Sabah merdeka melalui Malaysia, namun hal yang sama turut berlaku semasa negeri ini di bawah penjajahan asing. Jadual di bawah menunjukkan jumlah komoditi utama yang terdapat di Sabah sebelum Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1960an.

**Jadual: Anggaran Keluasan Tanaman untuk Eksport di Sabah 1900-1940 (Ekar)**

TANAMAN	1900	1910	1920	1930	1940
Getah	80	20,000	53,000	11,500	128,680
Tembakau	10,000	15,000	1,800	700	400
Kelapa	5,000	10,000	28,500	50,000	53,029
Sagu	4,000	4,000	50,000	13,000	14,000
Rami	-	-	-	-	5819

Sumber: Zuraida Mohamad (2007, hlm. 99).

Selain itu, era 1960an dan 1970an merupakan tempoh di mana aktiviti sektor perladangan dan pembalakan berkembang di kawasan pantai timur Sabah. Pada peringkat awal kemerdekaan, industri kayu merupakan tulang belakang

<sup>1</sup> Untuk data lebih lanjut sejak 1960, rujuk Jabatan Perangkaan Sabah (1965, hlm. 4; 1975, hlm. 44; 1980, hlm. 17; 1991, hlm. 163; 2000, hlm. 15-16).

kepada ekonomi Sabah dengan kehadiran syarikat-syarikat seperti *Kennedy Bay, Bombay Burmah, Shing Kee* dan *North Borneo Timber* (NBT) yang menjadi pemain utama dalam industri ini. Berasaskan kepada eksport kayu balak, ekonomi negeri Sabah meningkat dalam purata lapan peratus setahun antara tahun 1971 sehingga 1983, dan merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Antara tahun 1972 hingga 1980, ekonomi negeri Sabah berkembang pada kadar 9.4 peratus berbanding Malaysia, iaitu 8.1 peratus (Dauvergne, 1997, hlm. 104-105). Pada tahun 1971 hingga 1989, Sabah mengeksport sekitar 11.7 juta m<sup>3</sup> kayu setiap tahun. Pada tahun 1980 hingga 1989, sektor perhutanan menyumbangkan sekitar 60 peratus terhadap pendapatan negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, 95 peratus datangnya daripada royalti dan cukai eksport balak (Dauvergne, 1997, hlm. 114). Malangnya jumlah tenaga kerja yang terlibat dalam sektor ini adalah amat rendah akibat kekurangan tenaga kerja. Pada tahun 1980 misalnya, dengan keluasan hutan di negeri Sabah sekitar 5 juta hektar, hanya terdapat sekitar 10,269 orang pekerja sahaja yang terlibat dalam industri berasaskan kayu. Walaupun keluasan hutan Sabah semakin berkurangan kerana aktiviti pembalakan yang giat, namun jumlah pekerja yang terlibat dalam sektor ini sehingga tahun 1998 adalah sekitar 78,866 orang (Jabatan Perangkaan, 2007, hlm. 115). Ini menunjukkan bahawa pemintaan yang tinggi dalam sector ini memerlukan kepada jumlah tenaga kerja yang ramai. Satu-satunya jalan bagi mengatasi masalah ini ini adalah dengan menggaji pekerja asing terutamanya dari Indonesia atau Filipina.

Selain sektor pembalakan, pertumbuhan pesat ekonomi Sabah turut disumbangkan oleh sektor perladangan terutamanya kelapa sawit dan koko. Pada tahun 1975, daripada 5.3 juta ekar tanah yang sesuai untuk pembangunan pertanian, hanya sekitar 0.9 juta ekar sahaja yang telah digunakan untuk aktiviti pertanian. Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-3 (RMK-3), kerajaan telah membangunkan sekitar 2.1 juta ekar tanah untuk tujuan penanaman kelapa sawit, 500 ribu ekar untuk penanaman pokok getah, dan 2.9 juta ekar untuk lain-lain tanaman pertanian (RMK-3, 1976-1980, 1976, hlm. 201, 209.). Tugas ini telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri seperti Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) dan agensi pusat seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Pada tahun 1971 dan 1980 FELDA telah meneroka sekitar 3,528 ekar tanah dan SLDB telah meneroka 142,863 ekar tanah bagi tujuan penempatan dan pembangunan tanah (RMK-5, 1986-1990, 1986, hlm. 98-99). Pada tahun 2005, keluasan penanaman kelapa sawit telah berkembang kepada sekitar 2,470,000 ekar (Jabatan Pertanian Sabah, 2008). Dari segi pengeluaran, pada tahun 2002, Sabah merupakan pengeluar minyak mentah kelapa sawit terbesar di Malaysia iaitu 34.9 peratus daripada jumlah keluaran minyak sawit mentah. Keluasan tanah perladangan (koko, kelapa dan

kelapa sawit) yang luas yang mencecah berjuta ekar, maka keperluan untuk tenaga kerja adalah sangat kritikal.

Jelas bahawa ekonomi Sabah berkembang dengan pantas dalam semua sektor terutamanya pembalakan dan perladangan dan seterusnya sektor pembinaan. Dalam sektor pembinaan sebagai contoh, pekerja tidak mahir dan separuh mahir diperlukan bagi mengurangkan kos perbelanjaan keseluruhan yang meningkat setiap tahun. Untuk mencapai matlamat ini, majikan perlu mengupah pekerja asing terutamanya warga Filipina yang merupakan pembekal utama buruh dalam sektor ini di Sabah. Sementara itu, kebanyakan tanah yang luas di Sabah digunakan untuk sektor perladangan dengan penanaman komoditi seperti pokok getah, kelapa dan kelapa sawit dan lain-lain. Pada tahun 1963, 50,000 ekar ditanam dengan koko dan kelapa sawit. Namun pada 2002, ianya telah berkembang kepada 2,300,000 ekar. Penduduk tempatan tidak sanggup bekerja dalam sektor ini kerana gaji yang rendah dan beban kerja yang berat. Dengan jumlah kluasan ladang yang luas, keperluan untuk buruh di Sabah berada pada tahap yang kritikal. Sebagai contoh di dalam sektor perladangan kelapa sawit, jumlah pekerja untuk ladang seluas 10-15 ekar ialah satu atau dua pekerja untuk tujuan penuaian kelapa sawit (Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2008 dan Wan Shawaluddin Wan Hassan & Marja Azlima Omar, 2008). Ini bermakna, untuk kluasan 10-15 ekar, jumlah pekerja ideal yang diperlukan adalah sekitar 3 orang. Ini bertepatan dengan kenyataan Akhmad Irfan, Konsul Jeneral Indonesia, Kota Kinabalu Sabah pada 2015 yang menyatakan bahawa seorang pekerja boleh mengerjakan 5 ekar tanah untuk tujuan penanaman kelapa sawit (Irfan, 2015). Berdasarkan kepada jumlah hektar di jadual di bawah, dapat disimpulkan bahawa sektor perladangan memerlukan sekitar 200 ribu hingga 300 ribu pekerja bagi memastikan survival industri ini. Jadual di bawah menunjukkan anggaran hektar untuk tanaman bagi beberapa daerah di Sabah pada 2005.

**Jadual: Anggaran Jumlah Hektar Tanaman Industri Berdasarkan Daerah, 2005**

TANAMAN	Tawau	Sandakan	Kudat	P. Barat	Pedalaman	Jumlah
<b>Getah</b>	647	3,413	10,668	23,303	28,336	66,367
<b>Kelapa</b>	8,563	1,060	9,541	649	1,162	20,975
<b>K. Sawit</b>	8,563	690,269	14,762	4,696	45,337	1,228,410
<b>Koko</b>	12,072	710	84	290	1,284	14,440
<b>Kopi</b>	1,219	39	31	305	2,155	3,749
<b>Padi</b>	-	1,753	11,380	15,227	11,271	39,631

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah (2008).

Selain itu, keperluan buruh yang mendesak ini tidak hanya terhad kepada sektor-sektor pertanian dan binaan, tetapi sekor-sektor lain seperti sektor domestik, pembantu rumah, perikanan dan sebagainya turut memerlukan jumlah pekerja yang ramai di negeri ini. Dalam sektor perikanan misalnya, sejak tahun 1990an, pekerja utama dalam sektor ini adalah kumpulan yang terdiri daripada buruh perikanan Indonesia dan Filipina. Buruh perikanan Indonesia majoritinya terdiri daripada kumpulan berketurunan Bugis dan Buton manakala buruh-buruh perikanan Filipina majoritinya terdiri daripada kumpulan berketurunan Suluk dan Bajau yang berasal dari Kepulauan Sulu, yang meliputi kawasan-kawasan seperti Jolo, Zamboanga, Basilan, Pulau Palawan, Tawi-Tawi, Bisaya, Pulau Cagayan, Sitangkai, Pulau Mangsi, dan Pulau Balabac (Mohammad Azzam Manan, 2006, hlm. 79).

### **Polisi Tenaga Kerja Di Sabah Awal Kemerdekaan**

Pembangunan ekonomi yang berlaku di Sabah memerlukan tenaga kerja yang ramai. Malangnya, masalah tenaga kerja ini berterusan dan menjadi krisis yang besar kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah terutamanya dalam sektor perladangan dan juga pembalakan. Keadaan semakin bertambah runcing apabila berlakunya Konfrontasi (1963-66) antara Malaysia-Indonesia. Ini menyebabkan pendatang-pendatang asing yang baru dari Indonesia tidak dibenarkan memasuki negeri ini. Hal yang sama juga berlaku kepada pendatang-pendatang dari Filipina di mana akibat daripada putusnya hubungan Kuala Lumpur-Manila pada tahun-tahun 1963-1964 dan 1968-1969 menyebabkan Malaysia mengharamkan kemasukan pendatang dan pekerja asing dari Filipina ke Malaysia. Keadaan ini menyebabkan berlakunya keruncingan tenaga kerja dalam sektor ekonomi di negeri Sabah. Dalam masa yang sama, walaupun Sabah di bawah Tun Mustapha mempunyai kuasa autonomi yang besar dalam pentadbiran di negeri Sabah, namun beliau juga dilihat gagal dalam mengawal kuasa persekutuan melalui *Employment Restrictions Act* semasa era pentadbiran Tun pada 1969. Melalui akta ini, permit untuk kerja asing hanya diberikan selama 6 bulan kepada pekerja separuh-mahir dan bagi pekerja tidak mahir dihadkan kepada 3 bulan sahaja. Keadaan ini menyebabkan kemarahan syarikat-syarikat di negeri Sabah. Akibatnya syarikat perladangan dan pembalakan yang sememangnya mengalami masalah tenaga kerja ini menghadapi masalah yang tidak pernah dialami sebelum ini. Malahan Tom Duffy, pegawai di Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu menyatakan bahawa, peraturan yang membenarkan penduduk berketurunan Melayu dari Semenanjung untuk bekerja di negeri ini dilihat '*little relevance to the employment situation in Sabah*' (White, 2004, hlm. 86).

Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga buruh yang sangat mendesak di negeri ini dan mendorong kerajaan untuk mengambil langkah segera dalam menangani masalah yang berlaku ini.

Kebergantungan terhadap pekerja asing sememangnya tidak dapat dinafikan. Hal ini dihujahkan oleh Kurus dan rakan -rakan yang melihat bahawa Sabah tidak mampu mengejar modernisasi ekonomi dan pembangunan tanpa kehadiran berterusan pekerja asing di negeri ini. Bagi mengatasi masalah ini, tenaga kerja asing utama di negeri ini yang berasal dari Filipina dan Indonesia yang dikenali sebagai pembekal utama tenaga kerja untuk sektor pembinaan dan perladangan ini di Sabah merupakan jawapan utama. Oleh itu, kebanjiran pelarian Filipina dan pekerja Indonesia, sejak tahun 1960-an dan awal 1970an, adalah tepat pada masanya; kerana ia membantu untuk mengatasi masalah krisis tenaga kerja ini. Dalam hal ini, pekerja asing Indonesia yang biasanya mendominasi sektor pertanian perladangan, perhutanan, dan, dan Filipina kebanyakannya bekerja dalam pembinaan dan perkhidmatan tidak rasmi/domestik. Ini menjelaskan mengapa permintaan untuk pekerja asing amat tinggi di Sabah sehingga kini. Malah, keperluan kepada tenaga kerja asing ini dinyatakan sendiri oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Musa Hitam pada tahun 1981. Beliau mengakui bahawa pekerja Indonesia ‘sangat diperlukan’ untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah (Stahl, 1986, hlm. 34; Tengku Shamsul Bahrin & Rachagan, 1984, hlm. 209).

Malahan, sebelum itu, kekurangan buruh ini telah ditunjukkan dalam Pelan Pembangunan Sabah 1965-1970 yang dengan jelas menyatakan bahawa;

*There is little doubt, however, that the pace of economic development cannot be maintained unless an alternative source is found to provide an annual increase in the number of persons engaged in agriculture.*

(Pang,, 1989)

Sepanjang tempoh ini, beberapa langkah diambil untuk mengatasi masalah ekonomi negara termasuk menyekat kehadiran pekerja asing yang dituduh sebagai merampas hak dan peluang penduduk tempatan. Menyedari perlunya untuk mengatasi masalah kebanjiran pekerja asing, beberapa langkah telah diambil di kebangsaan dan peringkat bilateral (antara negara pengeksport tenaga kerja asing) untuk mengawal peningkatan jumlah pekerja asing yang tidak sah (lihat untuk lebih lanjut Azizah Kassim, 2000). Walau bagaimanapun, pada tahap ini, kerajaan tidak mempunyai satu polisi yang konkrit terhadap pekerja asing. Malahan sesetengah majikan dalam sektor perladangan dan pembinaan seperti *Malaysian Agricultural Producers Association* (MAPA)

memerlukan sejumlah perkerja yang ramai walaupun dalam kegawatan ekonomi. Malahan, pada pertengahan 1980an, *United Planting Association of Malaysia* (UPAM) menyatakan bahawa sektor perladangan di Malaysia memerlukan sekitar 24,000 pekerja asing dalam tahun 1988 hingga 1992 walaupun dalam krisis ekonomi dunia untuk memastikan kelangsungan dan survival perniagaan mereka (Jones, 2000, hlm. 15).

Oleh itu, sepanjang tempoh ini awal kemerdekaan ini, bagi tujuan menangani masalah kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah ini, maka beberapa langkah telah diambil oleh pihak kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri khususnya untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja yang berlaku di negeri Sabah. Dalam hal ini, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan negeri dan persekutuan untuk menangani masalah tenaga kerja yang berkurangan ini. Dalam hal ini, beberapa pendekatan digunakan oleh kerajaan dalam menangani masalah ini. Pertama, melalui usaha merekrut pekerja dari Semenanjung Malaysia melalui penubuhan Kumpulan Wang Perpindahan (*Migration Fund Board – MFB*) 1960an sehingga 1970an; kedua, melalui usaha pihak swasta dengan kerjasama kerajaan negeri Sabah pada lewat 1970an dan awal 1980an untuk merekrut secara legal pekerja dari Indonesia dan Filipina; ketiga, proses perekrutan pekerja asing sama ada secara legal atau haram pada lewat tahun 1980an sehingga kini. Namun, dalam hal ini, kehadiran pendatang dan pelarian di Sabah sering dilihat sebagai salah satu alternatif penting dalam usaha menangani masalah kekurangan pekerja di negeri Sabah. Oleh itu, kehadiran mereka dalam sektor pekerjaan ini juga berlaku pada setiap tahap yang disebutkan ini. Ini sekaligus menunjukkan bahawa peranan kumpulan ini amat penting dalam membantu meningkatkan ekonomi Sabah dan memenuhi keperluan tenaga kerja yang sangat mendesak di negeri ini.

### ***Inisiatif Kerajaan: Penubuhan Kumpulan Wang perpindahan (Migration Fund Board), 1966***

Pada peringkat awal pembangunan ekonomi negeri Sabah, terutamanya pada tahun-tahun 1970an dan 1980an, program pembangunan lebih ditumpukan kepada program pembangunan luar Bandar. Terdapat beberapa sebab kepada pendekatan pembangunan ini; pertama, pandangan politik terhadap luar bandar adalah sangat berisiko sekiranya kerajaan mengabaikan luar bandar kerana kerajaan bergantung kepada undi luar bandar. Kedua, pembangunan infrastruktur tidak memadai untuk memastikan pembangunan status ekonomi penduduk luar bandar-sebaliknya perlu meransang migrasi secara tetap. Tidak menghairankan apabila pada tahun 1980 kerajaan mewujudkan lebih kurang 200 skim pertanian berskala kecil di Sabah yang melibatkan kawasan seluas

lebih kurang 32,376 hektar untuk tanaman komoditi seperti kelapa, padi sawah, getah, koko, kopi dan kelapa sawit (Cho, 1990, hlm. 130).

Selain itu, bagi memudahkan mempercepatkan proses ini kerajaan bertindak menubuhkan *Sabah Land Development Corporation* atau Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) pada Januari 1969. Agensi kerajaan negeri ini berperanan untuk membangunkan kawasan tanah yang mempunyai penduduk yang kurang. Hasilnya, banyak daripada skim tersebut bertumpu di kawasan utara dan pantai timur Sabah terutamanya di Sandakan dan Tawau di mana ia mempunyai kawasan tanah yang luas dan penduduk yang kurang. Namun, sekali lagi masalah timbul apabila kerajaan mendapati bahawa kejayaan LKTNS dalam membangunkan kawasan-kawasan di luar Bandar yang luas ini banyak bergantung kepada tenaga kerja yang ramai. Satu-satu jalan bagi mengatasi masalah ini ini adalah dengan mendapatkan tenaga buruh dari Negara asing. Selain itu, apabila Felda ditubuhkan pada tahun-tahun 1970an di negeri Sabah bagi membantu membantu menjayakan program LKTNS ini, ia juga menghadapi masalah yang sama iaitu mendapatkan tenaga kerja untuk mengusahakan kawasan ladang yang luas ini. Sehingga tahun 2000 misalnya, FELDA dianggarkan telah membuka hampir 124,389 hektar tanah di mana 98 peratus daripada kawasan ini adalah kawasan perladangan terutama kelapa sawit dan hanya 2 peratus sahaja kawasan penempatan dan bandar. Dalam hal ini, tidak semua tanah rancangan Felda ini diberikan kepada peneroka kerana sejumlah besar masih diusahakan oleh syarikat tersebut. Dalam kes Felda Sahabat, Lahad Datu misalnya, hampir 90 peratus daripada tanah-tanah ini diusahakan sendiri oleh Felda. Oleh itu, Felda terpaksa bergantung kepada tenaga buruh bagi memastikan kelangsungan syarikat tersebut (Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd. Zambri Suharani, 2010). Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bagaimana seriusnya masalah tenaga kerja di negeri Sabah yang memerlukan kepada sejumlah besar tenaga kerja bagi memastikan ekonominya berjalan dengan lancar.

Menyedari masalah ini, kerajaan persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri Sabah berusaha menangani masalah kekurangan tenaga kerja ini. Salah satu langkah kerajaan untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah ini adalah melalui penubuhan Kumpulan Wang Perpindahan (*Migration Fund Board - MFB*) pada tahun 1966. Ini adalah lanjutan daripada permohonan Persatuan Peladang Bersatu Malaysia (*United Planting Association of Malaysia - UPAM*) yang memohon kepada kerajaan persekutuan di bawah Kementerian Tenaga Kerja untuk membolehkan penduduk Tanah Melayu yang menganggur dibenarkan untuk berhijrah ke Sabah bersama-sama dengan keluarga mereka untuk mengatasi masalah tenaga kerja di negeri terbabit. Rancangan awal program ini adalah untuk

mengimport sekurang-kurangnya 1,000 orang pekerja dari semenanjung setiap tahun untuk mengurangkan tekanan dan masalah tenaga kerja di negeri Sabah (White, 2004, hlm. 86). Keadaan ini bertepatan dengan masalah yang berlaku di Sabah pada masa tersebut yang memerlukan kepada sejumlah besar tenaga kerja asing di negeri ini.

Melalui MFB, kerajaan akan mengimport pekerja dari Semenanjung Malaysia ke negeri Sabah bagi mengatasi masalah tenaga kerja di negeri ini. Bagi menggalakkan pekerja tersebut terlibat dalam program ini, beberapa insentif telah ditawarkan kepada ahli keluarga seperti tanah untuk penempatan dan gaji 20 peratus lebih tinggi berbanding di semenanjung. Proses pengambilan dilakukan oleh majikan yang menggunakan agen sendiri daripada *Malaysian Employment Service*. Melalui program ini, kerajaan mensyaratkan bahawa majikan yang mengajari pekerja asing perlu terlebih dahulu untuk mengupah tenaga kerja tempatan sebelum beralih ke pekerja asing ("Malaysia", 1966, hlm. 1268). Hasilnya, semenjak ianya mula diperkenalkan sehingga Disember 1978, sekitar 6,683 tenaga kerja semenanjung telah bermigrasi ke Sabah. Angka tertinggi adalah pada tahun 1970 iaitu seramai 1,920 orang. Manakala angka terendah terlibat dalam program ini direkodkan pada tahun 1978 apabila hanya lebih kurang 21 orang pekerja sahaja yang terlibat dalam skim ini. Walaupun beberapa insentif pekerjaan diberikan, misalnya tawaran gaji yang tinggi dan peluang untuk memiliki tanah di negeri Sabah, namun majoriti pekerja dari Semenanjung ini akan balik semula ke negeri asal mereka apabila kontrak mereka tamat di negeri Sabah. Akibatnya sekali lagi masalah tenaga kerja terus menghantui syarikat-syarikat perladangan di Sabah. Dalam masa yang sama, walaupun jabatan MFB ini terus wujud sehingga awal tahun 2000, namun ia dianggap sebagai gagal dalam mencapai misinya untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja di negeri ini. Akibat daripada fungsi dan peranan jabatan ini yang dilihat semakin tidak aktif dalam membantu menangani masalah kekurangan tenaga kerja di Sabah, akhirnya kerajaan persekutuan bertindak membubarkan jabatan ini pada tahun 2000 (Ho, 1979; Rachagan, 1987, hlm. 259; Tengku Shamsul Bahrin & Rachagan, 1984, hlm. 20).

Pengalaman MFB dalam konteks pembangunan ekonomi negeri Sabah ini menunjukkan bahawa isu tenaga kerja merupakan masalah yang paling besar dan perlu ditangani dengan bijak oleh kerajaan. Malahan, segala dasar-dasar pembangunan ekonomi melalui penubuhan agensi-agensi pembangunan ini dilihat akan menghadapi masalah kerana kekurangan tenaga kerja ini. Malahan masalah ini tidak tamat melalui MFB, tetapi juga ia menjadi salah satu daripada masalah yang paling besar dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah secara amnya.

### **Inisiatif Swasta: Penubuhan 'Sabah Immigrant Manpower Center', Tawau, 1984**

Selepas kegagalan inisiatif negeri dan kerajaan persekutuan untuk menyelesaikan masalah itu, satu lagi inisiatif telah dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta, iaitu Persatuan Perkayuan Sabah (*Sabah Timber Association - STA*) dan Persatuan Penanam Timur Malaysia (*East Malaysia Planters' Association - EMPA*), melalui penubuhan Pusat Tenaga Manusia Asing Sabah (*Sabah Immigrant Manpower Center - SIMC*), di Tawau. Program ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Ketua Menteri Sabah, Tun Harris dan Menteri Tenaga Kerja Indonesia, Soedono pada tahun 1984. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja, dengan membawa masuk pekerja dari Indonesia melalui proses yang sah dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, tidak banyak maklumat yang boleh diperolehi melalui inisiatif SIMC ini. Ini kerana program ini dilihat sudah tidak berfungsi apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) mula berkuasa di negeri ini pada tahun 1985. Jelas sekali, inisiatif kerajaan atau sektor swasta di Sabah, menjelaskan bagaimana pentingnya isu kekurangan tenaga pekerja di negeri ini (Hien, 1985; Wing, 1985). Oleh itu, apabila kerajaan PBS mula berkuasa pada tahun 1985, isu kekurangan tenaga kerja terus menghantui semua sektor ekonomi di negeri ini. Cara mudah untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja ini adalah melalui tindakan majikan ini untuk merekrut para pelarian Filipina yang telah sedia ada di negeri ini dan pendatang tanpa izin. Malahan PBS yang dilihat mempunyai dasar yang anti-pendatang semasa era pemerintahan kerajaan tersebut di negeri Sabah terus menemui jalan buntu dalam menangani masalah kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah. Malahan Sidney Jones menyatakan bahawa akibat kegagalan dalam menangani krisis tenaga kerja ini memaksa kerajaan PBS untuk merekrut pekerja-pekerja asing dari Indonesia (dan Filipina) yang terdiri daripada pendatang (dan pekerja asing) yang majoritinya adalah beragama Kristian (Jones, 2000).

Berdasarkan kepada hal ini, jelas bahawa isu kekurangan tenaga kerja di negeri Sabah merupakan satu masalah yang besar yang perlu dihadapi oleh para majikan di negeri ini. Malahan isu ini juga merupakan masalah yang perlu diambil berat oleh pembuat dasar di peringkat negeri dan juga persekutuan. Malangnya walaupun usaha-usaha telah diambil untuk menangani masalah ini melalui inisiatif oleh kerajaan untuk meningkatkan penglibatan warga Malaysia dalam sektor ekonomi terutamanya dalam industri perladangan di Sabah dan usaha oleh pihak swasta untuk merekrut tenaga kerja Indonesia secara sah dan sistematik, namun kekurangan tenaga

kerja masih menjadi masalah yang besar kepada negeri Sabah. Malahan kekuatan ekonomi Sabah yang bergantung kepada industri kelapa sawit dan pembalakan sukar untuk meneruskan kelangsungan akibat dasar-dasar rigid oleh kerajaan dalam menangani masalah pendatang di negeri ini (Azizah Kassim, 2004).

### **Krisis Tenaga Kerja Di Sabah dan Respon Kerajaan, 1980an-kini**

Krisis ekonomi yang berlaku diperingkat antarabangsa pada awal tahun 1980an memberikan kesan yang amat besar kepada ekonomi kepada negeri Sabah dan Malaysia amnya. Dalam kes Malaysia, masalah kemelesetan ekonomi ini mula dirasai sejak awal tahun 1984 apabila berlakunya penurunan harga komoditi yang menjadi pendapatan utama negara. Walaupun beberapa usaha telah diambil untuk menyusun semula ekonomi negara, keadaan ekonomi terus berlarutan dan kemelesetan berpanjangan. KDNK menguncup sebanyak 1.0 peratus pada tahun 1985 dan meningkat hanya 1.2 peratus pada tahun 1986. Keluaran Negara Kasar (KNK) menurun sebanyak 3.2 peratus pada tahun 1985 dan 8.3 peratus pada tahun 1986. Krisis ini berlarutan sehingga 1988, walaupun hakikatnya KDNK Negara mula mengalami peningkatan sejak tahun 1987. Sepanjang tempoh ini, eksport jatuh pada tahun 1985 dan 1986, dan pengangguran meningkat mendadak kerana berlakunya pemberhentian kerja dan beberapa insiden kemufusan. Sektor pembinaan menerima kesan yang sangat mendalam mendalam dan sektor ini menguncup selama empat tahun berturut-turut dan tidak pulih sehingga tahun 1989 (Tan, 2003, hlm. 29-30).

Di negeri Sabah, krisis ekonomi ini bertepatan dengan kemunculan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menang beberapa pilihanraya negeri sejak 1984 dan akhirnya mendapat kuasa penuh di negeri ini pada 1987. Di bawah kerajaan PBS, negeri Sabah mengumumkan untuk melaksanakan pendaftaran pelarian dan pendatang tanpa izin di Sabah sebelum melaksanakan proses deportasi secara besar-besaran di negeri ini (Dorall, 1989, hlm. 304.). Hasilnya antara Ogos 1987 dan Disember 1988, kerajaan negeri mengidentifikasi lebih daripada 335,500 pendatang Filipina dan 145,000 pendatang Indonesian di Sabah. Sementara itu, jumlah pelarian adalah berjumlah 78,000. Sebelum itu, iaitu pada 1984, Banci Polis di negeri Sabah mendapati bahawa terdapat lebih daripada 257,859 pendatang tanpa izin di negeri ini. Hasilnya, pada 1988, kerajaan PBS memulakan polisi immigresen baru di mana pendatang asing yang tidak mempunyai dokumen akan dihantar balik ke negara asal mereka, termasuk juga pelarian Filipina yang telah menetap di negeri ini sejak lewat 1960an dan awal 1970an. Sebelum polisi deportasi ini dilaksanakan, kerjasama

di peringkat negara telah dilaksanakan di mana Malaysia dan Indonesia telah bertindak menandatangani perjanjian untuk proses pemutihan pendatang tanpa izin ini melalui pengeluaran dokumen yang dikenali sebagai *Surat Perjalanan Laksana Paspor* (SPLP). Walaupun ramai yang mengambil kesempatan daripada program ini, namun, keadaan kelam kabut berlaku kerana kerajaan Indonesia sendiri tidak mampu memenuhi permintaan dokumentasi yang tinggi daripada TKI (lihat Jones, 2000, hlm. 19-21). Hasilnya, proses serbuan dan penangkapan secara besar-besaran berlaku dan dianggarkan sekitar 18,372 pendatang ditangkap dan 12,393 di hantar balik oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh ini (Paridah Abd. Samad and Darusalam Abu Bakar, 1992, hlm. 563-564 dan Ismail Yusoff, 1997, hlm. 132).

Namun, di satu sudut lain, dasar penghantaran balik (deportasi) oleh kerajaan PBS ini memberikan kesan negatif yang besar kepada pemain ekonomi utama di Sabah, terutamanya masyarakat peniaga Cina di negeri ini (juga dikenali *towkays*). Keadaan ini menimbulkan rasa tidak senang kumpulan ini yang menjadi '*kingmaker*' kepada kejayaan politik PBS pada pilihanraya 1985 dan 1986 (Wickman, 1985, hlm. 136-137 dan Bu, 1986, hlm. 257). Kebimbangan ini adalah lanjutan daripada pergantungan *towkays* ini kepada jumlah tenaga kerja asing yang semakin merosot dan akhirnya menyumbang kepada masalah ekonomi di negeri Sabah. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan PBS memperkenalkan *Sabah Action Blue Print* (SAB) dilancarkan pada 1987 yang bertujuan untuk mengangani masalah ekonomi. Namun SAB gagal dalam mencapai matlamatnya (Pang, 1989). Malangnya dasar ini gagal dalam mencapai matlamatnya. Keadaan ekonomi Sabah menjadi bertambah teruk dengan peningkatan kadar kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Pada 1987 sahaja, tahap kemiskinan meningkat kepada 35.3 peratus, di mana ia lebih buruk daripada yang dialami oleh negeri-negeri lain di Malaysia, misalnya Sarawak. Akibatnya walaupun sepanjang tahun 1987-1996, ekonomi Malaysia berkembang pada purata tahunan 8.8 peratus dan dianggap sebagai '*development success story*' dalam kalangan kelompok kedua negara baharu ekonomi industri di Asia Tenggara (Athukorala, 1999, hlm. 28-30), namun di bawah kerajaan PBS pada 1991 misalnya, ekonomi Sabah hanya tumbuh pada kadar 4 peratus setahun, berbanding pertumbuhan dua digit di Malaysia secara keseluruhan (Cole, 1989, hlm. 71-72.). Lanjutan daripada itu, apabila kerajaan PBS bertindak melaksanakan program serbuan, penangkapan dan deportasi secara besar-besaran pada 1988, kerajaan PBS gagal melihat kepentingan *towkays* yang menjadi pemain utama sektor ekonomi di Sabah. Majoriti daripada *towkays* ini tidak menyokong tindakan ini, kerana ia memberikan kesan negatif kepada ekonomi Sabah. Malahan satu perkara yang penting adalah penentangan *towkays* kepada dasar PBS ini bukanlah

disebabakan oleh faktor agama, tetapi kerana pekerja asing ini menyediakan sumber tanaga kerja yang murah di negeri ini. Keadaan ini juga menimbulkan kemarahan komuniti peniaga ini yang akhirnya mengalihkan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN) pada tahun 1990an kerana masalah ekonomi yang dihadapi di bawah pentadbiran PBS.

Di samping itu, kerajaan persekutuan yang terus menerima tekanan daripada pihak kerajaan PBS untuk menyelesaikan masalah ini bertindak menujuhkan Pasukan Petugas Khas Persekutuan - Sabah dan Labuan (*Federal Special Task Force for Sabah and Labuan, FSTF-S/L*); sebuah agensi di bawah Jabatan PM yang bertujuan untuk mengordinasi masalah mengenai pendatang di Sabah pada 1989. Antara langkah awal yang dijalankan adalah mengenalpasti jumlah pekerja asing ini. Oleh itu, pada 1989, FSTF melaksanakan pendaftaran pendatang tanpa izin di seluruh negeri Sabah dan Labuan. Dalam proses pendafataran ini, mendapati bahawa terdapat seramai 257,900 pendatang tanpa izin di Sabah. Di samping itu, ia juga mengenalpasti terdapat seramai seramai 335,500 pekerja asing Filipina dan 145,000 pekerja asing Indonesia yang bekerja di Sabah.

Namun demikian, apabila ekonomi Malaysia dan Sabah mula pulih pada pertengahan 1990an, isu kekurangan tenaga buruh sekali lagi menjadi isu besar. Pada masa ini, ekonomi negeri Sabah turut berkembang selari dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia secara amnya. Sebagai contoh, pada 1995, Sabah merekodkan kadar pertumbuhan 7.8 peratus dan trend ini berterusan pada tahun 1996 iaitu pada kadar 6.1 peratus. Pembangunan ekonomi Sabah yang pesat ini adalah didorong oleh peningkatan eksport produk pertanian dan juga dana daripada kerajaan persekutuan (Ghapur Salleh, 1996). Akibatnya, disebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kekurangan buruh yang agak ketara pada awal 1990an memaksa kerajaan untuk meliberalisasikan polisi terhadap penggajian buruh asing (RMK-7, 1996-2000, 1996).

Namun, keadaan ini tidak berlaku lama kerana kepesatan ekonomi negeri terjejas dengan krisis nilai mata wang dan pasaran saham pada Julai 1997. Kesannya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah menguncup dari 7.7 peratus pada 1997 ke paras terendah iaitu -6.7 pada 1998. Nilai Ringgit menurun dari RM2.52 berbanding US\$1 kepada RM3.53 berbanding US\$1 sebelum mencapai paras terendah dalam sejarah iaitu RM4.88 pada awal tahun 1998. Pada 7 Januari 1998, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan bertujuan untuk memulihkan keyakinan dan menformulasikan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang antara lain telah mencadangkan untuk memudahkan polisi fiskal dan kewangan bertujuan menjana kembali pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan peluang

perkerjaan termasuk mengawal kebanjiran pekerja asing (Azizah Kassim, 2000, hlm. 166, SEAC, 1999, hlm. 12; *Bank Negara Malaysia Annual report 1998*, 1998, hlm. 2; *Kajian Semula pertengahan penggal RMK-7*, 1999, hlm. 3-8). Ekonomi Sabah turut terjejas teruk akibat daripada Krisis Ekonomi Asia dan ekonomi Sabah hanya berkembang pada kadar 2.6 peratus pada tahun 1998 (Osu Sukam, 1998, 1999). Bagi melengkapkan lagi usaha yang dilaksanakan ole MTEN di peringkat persekutuan, kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Sabah (MTES) yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok. Pada tahun 1998, kerajaan negeri melaksanakan 7 langkah Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang telah dirangka oleh MTES antara lain telah menyenaraikan beberapa isu kritikal yang timbul akibat daripada krisis kewangan di Sabah. Antara fokus dibawah PTS adalah untuk mengoptimumkan sumber manusia dimana secara tidak langsung akan mengurangkan keperluan sumber tenaga buruh asing (SEAC, 1999, hlm. 14-16). Sepanjang tempoh ini, kerajaan mula sedar bahawa kebergantungan yang amat sangat kepada pekerja asing tidak sesuai untuk ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang. Ekonomi Sabah turut terjejas teruk disebabkan krisis ekonomi ini dan akibatnya, kerajaan membekukan pengambilan pekerja baru dan pendatang tanpa izin diantar pulang semua dari negeri ini.

Oleh itu, sepanjang tempoh ini program pengampunan telah diperkenalkan yang membenarkan pendatang asing tanpa izin balik ke negara asal mereka tanpa dikenakan penalti dan sistem permit kerja yang berasaskan kepada pengambilan luar pesisir telah dikuatkuasakan. Selain itu, kategori pekerja telah dilakukan secara lebih sistematik berbanding sebelumnya, permit kerja dan lokasi, jenis pekerjaan telah menjadikan pengawalan pekerja ini dilakukan secara lebih sistematik. Di samping itu, penguatkuasaan undang-undang dan peranan polis untuk memerangi kehadiran PTI telah diketatkan. Untuk tujuan tersebut, Pusat Tahanan Sementara (PTS) juga ditubuhkan untuk menahan pekerja yang tidak memiliki dokumen sah. Selain itu, kerajaan juga bertindak mengenakan tindakan yang keras ke atas kehadiran pendatang atau pekerja asing yang melanggar syarat-syarat kemasukan ke Malaysia melalui akta Imigresen 2002. Bukan setakat itu, elemen kesihatan turut menjadi isu utama dalam mengaitkan kehadiran pekerja asing di Malaysia. Dalam hal ini, pekerja asing perlu menjalani pemeriksaan untuk ujian kehamilan, HIV, dan beberapa penyakit lain termasuk malaria dan batuk kering sebelum mereka diterima bekerja di negara ini (Kaur, 2004, hlm. 219-221; Azizah Kassim, 1987). Selain itu, pada awal tahun 2000, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja asing yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri telah membuat keputusan untuk membenarkan pengambilan pekerja asing dalam semua jenis pekerjaan kecuali 138 pekerjaan yang

ditetapkan. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja dalam industri muzik, atau sebagai juruteknik, mekanik motor dan lain-lain (Sharifah Suhana Syed Ahmad, 2002, hlm. 58).

Namun, apa yang pasti adalah walaupun terdapat usaha-usaha kerajaan untuk menghadkan bilangan pekerja asing di negeri ini, namun sektor perladangan, pembinaan, dan sektor domestik terus bergantung kepada pekerja asing; sama ada pekerja asing yang sah atau PTI. Akibatnya apabila ekonomi Sabah pulih pada akhir tahun 1990an, isu kekurangan buruh sekali lagi menjadi isu utama. Malah, sektor-sektor ini menuntut dasar yang lebih lembut untuk merekrut pekerja asing di negeri ini bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di negeri ini. Namun, pada awal 2000, 2004, 2008, dan sekitar 2012 kerajaan melaksanakan beberapa dasar penghantaran balik PTI dan pekerja asing ini.

Pada tahun 2001 dan 2002, akibat insiden rusuhan pekerja di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Madhap Umboh (Melaka) dan PTS Pekan Nanas (Johor) pada Disember 2001 dan Hualon Corporation di Nilai (Seremban) pada 17 Januari 2002, kerajaan bertindak melaksanakan operasi besar-besaran di seluruh negara untuk menangani masalah ini. Dalam insiden di pekan nenas, 1,000 pekerja Indonesia ditahan (Marja Azlima Omar, 2005). Ini menyebabkan kerajaan mengumumkan dasar '*Hire Indonesian Last*' (Liow, 2005; Marja Azlima Omar, 2005; "Cabinet Decides to spare maids", 2002). Lanjutan daripada itu, kerajaan merombak Akta Immigresen dengan mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah dan ianya berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Di Sabah lanjutan daripada perubahan akta immigresen ini bertindak melaksanakan 'perang habis-habisan ke atas pendatang' ("All out wars", 2002). Namun, akibat tekanan yang diberikan oleh pemain-pemain ekonomi nasional dan negeri, kerajaan mengumumkan empat bulan program pengampunan (*amnesty*) bagi membolehkan ekonomi negeri tidak terjejas dengan program penangkapan dan deportasi ini. Sepanjang tempoh ini, Konsulat Indonesia di Tawau, menganggarkan seramai 123,522 pekerja Indonesia mengambil kesempatan di atas program ini dan balik secara sukarela (Gapur Salleh, 2002; "123,522 Indons return home under amnesty", 2002).

Apabila program pengampunan ini berakhir, kerajaan bertindak melaksanakan *Ops Nyah II Bersepadu*, program penangkapan dan penghantaran pendatang yang melibatkan kerjasama pasukan keselamatan di negeri Sabah untuk menangkap dan menghalau pedatang dan pekerja asing tanpa izin dari negeri ini. Dianggarkan lebih daripada 64,016 pendatang tanpa izin ditangkap, 25,723 dihantar balik, dan 18,693 buah rumah dimusnahkan dalam operasi ini, menjadikan ia sebagai satu operasi yang paling besar dalam menangani masalah pekerja dan pendatang tanpa izin di negeri Sabah ("Interview with

Ramli Yusuff”,, 2004). Walau bagaimanapun, tindakan ini sekali lagi menimbulkan rasa tidak senang pemain ekonomi ekonomi negeri yang melihat operasi ini hanya akan menganggu perkembangan ekonomi negeri Sabah. Malahan, kumpulan ini membayangkan bahawa ekonomi negeri berada di ambang kemerosotan sekiranya dasar ini tidak dihentikan (Azizah Kassim, 2004).

Selain penangkapan dan penghantaran balik, beberapa langkah lain telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Antara langkah utama yang diambil oleh kerajaan adalah dengan melaksanakan penyelesaian menyeluruh pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin melalui program yang dikenali sebagai 5P (Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran) pada tahun 2011 (Kaung, 2011). Menerusi program 5P ini, kerajaan dapat mengenalpasti keperluan jumlah pekerja yang diperlukan setiap sektor yang dibenarkan dan berdasarkan data yang ada, jumlah kekosongan itu dapat diisi oleh PATI yang berdaftar menerusi program ini. Hal ini akan dapat membekukan pengambilan terus sumber baru pekerja asing dari luar negara bagi tempoh tertentu. Program 5P ini secara rasionalnya bertujuan memantapkan pengurusan warga asing di negara ini untuk membantu mengawal kemasukan baru pekerja asing ke Malaysia dan membantu pengurusan aktiviti ekonomi negara Malaysia bagi mengelakkan peningkatan kadar jenayah (Kementerian Dalam Negeri, 2011). Hasilnya sehingga Ogos 2012, seramai 115,600 pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia telah didaftarkan melalui Program 5P (“5P: 115,600 PATI Indonesia mendaftar di Sabah”, 2012). Namun, akibat tekanan oleh majikan yang bimbang program 5P ini akan menyebabkan pekerja asing iri tidak kembali bekerja di negeri Sabah selepas kembali ke negara asal mereka, telah memaksa kerajaan negeri Sabah untuk melaksanakan program 3 + 1 di mana semua permohonan yang melibatkan PTI yang tidak terlibat dalam program awal akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan pas khas (RM100), dan majikan dibenarkan untuk memohon *Journey Perfomed Visa* (JP Visa) dengan bayaran RM500, namun ia tertakluk pada kelulusan (Ruzaini Zulkifli, 2012).

Pada hari ini, kebergantungan kepada pekerja asing terus menjadi hambatan kepada pembangunan ekonomi negeri. Namun untuk mengurangkan sentimen negatif masyarakat setempat yang tidak senang dengan kehadiran pendatang dan tenaga kerja asing ini (terutamanya Indonesia dan Filipina) (Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, 2013), wujud kecenderungan untuk mendapatkan tenaga kerja asing dari negara lain misalnya Bangladesh, China dan sebagainya sebagai alternatif kepada pekerja Indonesia dan Filipina (“12,000 Bangladeshis for Sarawak plantations”, 2014). Malahan Menteri Pembangunan Tanah Negeri Sarawak,

Tan Sri James Masing membidas kenyataan NGOs yang inginkan agar pekerja tempatan diberikan keutamaan dalam sektor ini. Masing dalam hal ini memberikan amaran '*Give us 30,000 workers now or shut up*' sebagai reaksinya kepada penentangan pengambilan pekerja asing di negeri tersebut ("Give us 30,000 workers now or shut up", 2015). Keadaan ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia secara amnya amat bergantung kepada tenaga kerja asing. Dalam konteks Sabah pada hari ini, kontoversi dan masalah yang ditimbulkan oleh pendatang asing yang sebelum ini yang dimonopoli oleh pekerja Indonesia dan Filipina menyebabkan pemain-pemain utama ekonomi negeri Sabah cuba untuk mencari alternatif baru tenaga kerja. Ini termasuklah tenaga kerja asing dari negara China yang dikatakan semakin ramai terlibat dalam sektor pembinaan di negeri Sabah.

Jelasnya, perkembangan ini menunjukkan dengan jelas bahawa ekonomi Malaysia, Sabah khususnya terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing, dalam erti kata bahawa Malaysia tidak boleh hidup tanpa mereka. Ini adalah dilema yang besar bagi Malaysia dan Sabah khususnya, kerana kebergantungan ke atas pekerja asing memberi kesan kepada dasar kerajaan untuk menangani pendatang. Mereka diperlukan dalam ekonomi negeri, tetapi tidak diterima sebagai sebahagian daripada sistem dalam negara. Pembantu rumah asing misalnya yang berkerja dan tinggal bersama dalam rumah keluarga Malaysia, mengasuh dan mendidik anak-anak keluarga Malaysia dan memasak untuk keluarga Malaysia, namun hakikatnya mereka tetap dianggap '*alien*' dalam keluarga ini di Malaysia. Ini merupakan sebahagian daripada masalah yang terdapat dalam hubungan pekerja-majikan di Malaysia. Ia tidak menghairankan apabila Jones menyebut dasar yang kontradik ini sebagai dasar '*go-away-come-hither*', iaitu tindakan meningkatkan serbuan dan pengusiran, tetapi dalam masa yang sama memerlukan kepada lebih ramai pekerja asing (Jones, 2000, hlm. 25). Walaupun kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar untuk mengurangkan pergantungan ini, tetapi kebergantungan pekerja asing terus menghantui ekonomi Malaysia. Ini juga menjelaskan mengapa kerajaan Malaysia, walaupun berterusan dengan retorik untuk menghapuskan polisi penggunaan buruh asing di negara ini, namun realitinya ia sukar untuk menyelesaikan masalah ini kerana ia sekaligus menunjukkan kelemahan yang terdapat dalam sistem ekonomi negara ini.

## Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan bahawa memahami situasi pekerja asing di Sabah dan Malaysia amnya memerlukan kepada penelitian yang amat mendalam dalam sektor ekonomi negeri ini. Malahan isu ini dalam usaha memahami isu ini, ia

perlu difahami daripada satu geneologi dengan melihat bagaimana isu dan masalah tenaga kerja asing yang berlaku ini tidak berlaku 10 tahun lepas tetapi ianya telah menjadi masalah utama di negeri Sabah sejak zaman penjajahan lagi dan semakin menjadi kronik selepas Sabah mencapai kemerdekaan apabila wujudnya pembangunan ekonomi yang sangat pantas di negeri ini yang memerlukan kepada tenaga kerja yang ramai. Dengan kata lain, pekerja asing hanya menjadi masalah di negeri Sabah apabila wujudnya krisis ekonomi, tetapi kehadiran mereka sangat dialu-alukan semasa ekonomi berkembang pesat. Di samping itu, walaupun beberapa usaha telah diambil oleh Malaysia melalui insiatif kerajaan (melalui program MFB) dan inisiatif swasta (melalui penubuhan SIMC, Tawau) untuk mengatasi masalah pekerja asing tanpa izin, namun program-program untuk mengatasi masalah pekerja asing ini dilihat sukar untuk diselesaikan kerana negeri Sabah memerlukan sejumlah besar tenaga kerja asing di negeri ini. Ini sekaligus menunjukkan bahawa kestabilan ekonomi dan kekurangan buruh yang kritikal di Sabah mendorong kehadiran lebih ramai pekerja asing Filipina dan Indonesia ke Sabah. Oleh itu, selagi ekonomi Sabah berkembang pesat, selagi itu kebergantungan tenaga kerja asing akan terus menjadi fenomena ekonomi di negeri ini. Apa yang dapat dilakukan oleh kerajaan adalah mengurangkan sentimen anti-pendatang/pekerja asing ini melalui pengkreutan tenaga kerja asing dari negara selain Filipina dan Indonesia yang selama ini mendominasi sistem sektor pekerjaan di negeri Sabah.

## Penghargaan

Artikel ini berdasarkan penelitian penyelidik Fakulti Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah melalui geran FRGS (FRG0331-SS-1/2013) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ia juga sebahagian daripada tesis Sarjana penulis. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- 12,000 Bangladeshis for Sarawak plantations. (2014, 4 December). *New Straits Times*.
- 123,522 Indons return home under amnesty (2002, 2 Ogos). *Borneo Mail*.
- 5P: 115,600 PATI Indonesia mendaftar di Sabah. (2012, 23 Ogos). *Utusan Online*.
- Malaysia. (1966). *Monthly Labor Review*, 89(11), 1268.
- All out wars. (2002, 27 February). *New Sabah Times*.

- Athukorala, P.-C. (1999). Swimming against the tide: Crisis management in Malaysia. Dalam H. W. Arndt & H. Hill (Eds.), *Southeast Asia's economic crisis: Origins, lessons, and the way forward* (hlm. 281-289). Singapore: ISEAS.
- Azizah Kassim. (1987). The unwelcome guest: Indonesian immigrants and Malaysian public responses. *Southeast Asian Studies*, 25(2), 265–278.
- Azizah Kassim. (2000). Labour Market Development and Migration Movement and Policy in Malaysia. Dalam *Labour Migration and the Recent Financial Crisis in Asia* (hlm. 165-186). Paris: OECD Publishing.
- Azizah Kassim. (2002). International Migration: Prospects and Challenges in Malaysia. Dalam M. Y. Johari & Chang S. Y. (Eds.), *Reinventing Sabah: Global Challenges and Policy Responses*. Kota Kinabalu: Konrad Adenauer Foundation and IDS.
- Azizah Kassim (Ed.). (2004). *Proceeding of Public Responses to Foreign Workers in Sabah*. Kota Kinabalu: UPEP.
- Azizah Kassim. (2012). *Dasar Pekerja Asing di Malaysia: Perlunya Anjakan Paradigma*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bank Negara Malaysia Annual report 1998. (1998). Kuala Lumpur: Government Printing.
- Bu, L. J. (1986). *The Night That Shook Sabah: The Tun Mustapha Writ*. Hong Kong: Southern Light Publishing House.
- Cabinet Decides to spare maids from 'Indonesian Last' Policy. (2002, 31 January). *New Straits Times*.
- Cho, G. (1990). *The Malaysian economy: Spatial Perspectives*. London: Routledge.
- Cole, A. (1998). *The Malaysian 'Vision 2020' National Development Plan: Implementation problems in Sabah* (Ph.D. thesis). University of York, Heslington, United Kingdom.
- Dauvergne, P. (1997). *Shadows in the Forest: Japan and the Politics of Timber in South east Asia*. Cambridge: MIT Press.
- De Silva, M. (2009). *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932* (Ph.D. thesis). University of London, London, United Kingdom
- Dorall, R. (1989). Foreign Workers in Malaysia: Issue and Implication of recent illegal economic migrants from the Malay World. Dalam Asian and Pacific Development Centre, *Trade in Domestic Helpers: Causes, Mechanisms and Consequences*. Kuala Lumpur: Asian and Pacific Development Center.
- Gapur Salleh. (2002, 24 May). [Minister in the CM Department/Tawau Assemblyman], Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN).
- Ghapur Salleh. (1996, 18 November). [Finance Minister of Sabah], The 1997 Budget Speech, Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN).

- Give us 30,000 workers now or shut up, Masing tells Sarawak group. (2015, 3 February). *The Malaysian Insider*.
- Goodlet, K. (2010). *Tawau: The Making of a Tropical Community*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Hien, W. (1985, 27 November). [Deputy Minister of Labour], Dewan Rakyat.
- Irfan, A. D. H. (2015). Consul General, Republik Indonesia, Sabah. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Malaysia-Indonesia dalam Perspektif Sempadan Sabah 2015, Universiti Malaysia Sabah, 23 April.
- Ho, T. S. (1998). International migration and urban development: The case of the Filipino immigrants in Sabah. Dalam Mohd. Yaakub Johari & B. S. Sidhu (Eds.), *Urbanization and development: Prospects and policies for Sabah beyond 1990* (hlm. 225-244). Kota Kinabalu: IDS and KAF.
- Ho, U. H. R. (1979, 20 Mac). [Minister of Labour], Dewan Rakyat.
- Interview with Ramli Yusuff (2004, 18 January). *Daily Express*.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik dan Agama di Sabah Bangi*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (1965). (1975). (1980). (1991). (2000)., *Yearbook of Statistics*, Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (1965). *Yearbook of Statistics 1965*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (1975). *Yearbook of Statistics 1975*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (1980). *Yearbook of Statistics 1980*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (1991). *Yearbook of Statistics 1991*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan Sabah. (2000)., *Yearbook of Statistics 2000*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Perangkaan. (2007). *Malaysia Economic Statistics: Time Series*. Kuala Lumpur: Department of Statistics.
- Jabatan Pertanian Sabah. (2008). Laman web Jabatan Pertanian Sabah.  
<http://ww2.sabah.gov.my/tani/main.html>
- Jones, S. (2000). *Making Money Off Migrants: The Indonesian Exodus to Malaysia*. Hong Kong: Center for Asia Pacific Social Transformation Studies.
- Kahin, K. (1947) The State of North Borneo 1881-1946. *Far Eastern Quarterly*, 7(1), 43-65.
- Kajian Semula pertengahan penggal RMK-7, 1996-00*. (1999). Kuala Lumpur: Government Printing.
- Kaung, M. (2011, 7 Julai). Pati: Sabah laksana program 5P. *Free Malaysia Today*.

- Kaur, A. (2004). Crossing Frontier: Race, Migration and Border Control in Southeast Asia. *International Journal on Multicultural Societies (IJMS)*, 6(2), 196-201.
- Kementerian Dalam Negeri. (2011). *Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing Dan Pendatang Asing Tanpa Izin (6P)*. <http://portal.ikdn.gov.my/2011/06/>.
- Kurus, B., Goddos, R., & Koh, R. T. (1998). Migrant labour flows in the East ASEAN region: Prospects and challenges. *Borneo Review*, 9(2), hlm. 156-186.
- Liow, J. (2005) Malaysia's illegal Indonesian Migrant Labour Problem, In search of solutions. *Contemporary Southeast Asia*, 25(1), 44-63.
- Marja Azlima Omar. (2005). Migration of Indonesians into Malaysia: Implications on bilateral relations. Dalam Azizah Kassim (Ed), *State Responses to the presence and employment of foreign workers in Sabah* (hlm. 115-140). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Azzam Manan. (2006). Perkembangan Penghijrahan Masuk Buruh Perikanan Asing Ke Sabah. *JATI*, 11, 75-96.
- Mohd. Zambri Suharani. (2010). *Sejarah Komuniti Peneroka di FELDA Sahabat (1979-2010)* (Tesis Sarjana), Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia.
- Osu Sukam. (1998, 16 November). [Menteri Kewangan]. The 1999 Budget Speech, DUN Sabah.
- Osu Sukam. (1999, 3 Disember). The 2000 Budget Speech, DUN Sabah, 03 Dis.
- Pang, T. W. (1989). Economic Growth and Development in Sabah: 25 years After independence. Dalam J. Kitingan & M. Ongkili (Eds.), *Sabah: 25 Years Later (1963-1988)*. Kota Kinabalu: IDS Sabah.
- Paridah Abd. Samad, & Darusalam Abu Bakar. (1992). Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah. *Asian Survey*, 32(6), 554-567.
- Rachagan, S. S. (1987). Refugees and Illegal Immigrants: The Malaysian Experience with Filipino and Vietnamese Refugees. Dalam J. R. Rogge (Ed.), *Refugees: A Third World Dimension* (hlm. 253-268). Rowman: Littlefield.
- RMK-3, 1976-1980. (1976). Kuala Lumpur: Government Printing.
- RMK-5, 1986-1990. (1986). Kuala Lumpur: Government Printing.
- RMK-7, 1996-2000. (1996). Kuala Lumpur: Government Printing.
- Ruzaini Zulkifli. (2012, 31 Ogos). Program 3+1 atasi kebanjiran PTI. *Borneo Post*.
- Samad Hadi. (1986). "Internal Migration and Mobility in Sabah 1963-85", *Sumber*, (2).

- SEAC [Sabah Economic Action Council]. (1999). *Global Financial Crisis: The National Economic Recovery Process and the Strategic Response Plan*. Kota Kinabalu: IDS.
- Sharifah Suhana Syed Ahmad. (2002). *Law and Labour market regulation in Malaysia* dalam S. Cooney, T. Lindsey, R. Mitchell, & Y. Zhu (Eds.), *Law and labour market regulation in East Asia* (hlm. 55-90). New York: Routledge.
- Stahl, C. (1986). *International Labour Migration: A Case Study of ASEAN countries*. New York: Centre for Migration Studies.
- Suraya Sintang. (2007). *Sejarah dan budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Tan, T. W. (2003). The impact of the 1997 financial crisis on Malaysia's corporate sector and its response. Dalam C. Barlow & Loh K W. F. (Eds.), *Malaysian Economics and Politics in the New Century* (hlm. 29-45). Cheltenham: Edward Elgar.
- Tengku Shamsul Bahrin, & Rachagan, S. S. (1984). The status of displaced Filipinos in Sabah: Some policy considerations and their long term implications. Dalam J. J. Lim & S. Vani (Eds.). *Armed Separatism in Southeast Asia: Issues in Southeast Asian Security* (hlm. 190-213). Singapore: ISEAS.
- Tregonning, K. G. (1958). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Singapore: University of Malaya Press.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, & Ramli Dollah. (2008). Pendatang dan Ekonomi di Sabah: Tinjauan Awal. Kertas kerja dibentangkan di 9th Biennial Borneo Research Council International Conference, Kota Kinabalu.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, & Ramli Dollah (2013). *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, & Marja Azlima Omar. (2008). Facts and figures about illegal in plantation sector in Sabah. Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Human Resource Economics-Issues and Challenges in Malaysian Labour Market. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah, & Dewi Herviani. (t.t.). Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Manuscrip yang belum diterbitkan.
- Wong, T. K. D. (1998). *The Transformation of an Immigrant Society: A study of the Chinese of Sabah*. London: ASEAN Academic Press.
- Wong, T. K. D. (1999). Chinese Migration to Sabah Before the Second World War. *Archipel*, 58(3), 131-158.

- White, N. J. (2004). *British Business and Post-Colonial Malaysia, 1957-70: Neo-colonialism or Disengagement?* London: RoutledgeCurzon.
- Wickman, S. (1985). The Economy. Dalam F. Bunge (Ed.), *Malaysia: A Country Study*. Washington: US Government.
- Wing, F. K. (1985, 29 November). Dewan Rakyat.
- Yap, P. L. (2004). Foreign Workers in Sabah: View from East Malaysian Planters' Association (EMPA). Dalam Azizah Kassim (Ed.), *Proceeding of Public Responses to Foreign Workers in Sabah*. Kota Kinabalu: UPEP.
- Zuraida Mohamad. (2007). *Faktor Kedatangan Buruh Ke Sabah Ketika Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (1881-1946)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.